



**KENYATAAN MEDIA**  
**PENGERUSI**  
**JAWATANKUASA KHAS BEBAS**  
**DARURAT 2021**

---

Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 yang ditubuhkan di bawah Seksyen 2 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 sehingga kini telah bersidang sebanyak enam kali sejak mesyuarat pertamanya pada 18 Februari 2021. Kesemua enam mesyuarat telah dipengerusikan oleh YABhg. Tun Arifin bin Zakaria dengan kehadiran secara fizikal dan juga secara sidang video.

Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 dalam siri mesyuaratnya telah menerima pelbagai pembentangan berhubung situasi semasa pandemik COVID-19 daripada kalangan individu, pakar-pakar kesihatan serta bidang-bidang yang berkait.

Pada peringkat ini, Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 secara konsensus bersetuju dengan penetapan beberapa kriteria dan *threshold* dalam membuat penilaian berhubung kewujudan berterusan darurat atau penamatannya.

Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021 akan terus bersidang dari semasa ke semasa dalam membuat penilaian berhubung kewujudan berterusan darurat atau penamatannya.

**JAWATANKUASA KHAS BEBAS DARURAT 2021**  
**27 MEI 2021**